

20/05/2002

Pemuda Umno anjur ekspo usahawan di PWTC

BIRO Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno akan menganjurkan Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumiputera di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) daripada 18 hingga 22 Jun ini.

Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno, Said Anuar Said Ahmad, berkata ekspu itu bertujuan menyuntik semangat keusahawanan yang kental di kalangan usahawan muda Bumiputera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan ekspu itu sempena Perhimpunan Agung Umno 2002.

"Kira-kira 30,000 pelawat dijangka mengunjungi ekspu itu," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ekspo bertema Gandingan Usahawan Bumiputera Penggerak Kecemerlangan Bangsa itu menyediakan 36 ruang pameran untuk peserta.

Said Anuar berkata, usaha itu diharap dapat mengetengahkan usahawan dalam bidang pembuatan bagi memperkenalkan produk mereka secara menyeluruh di samping membantu mewujudkan rangkaian perniagaan di kalangan mereka.

Mereka yang berminat menyertai ekspu itu, sila hubungi talian 03 61911069 atau faksimili 03 61870963.

(END)